

ASEAN perlu terus bersikap berkecuali, tarik pelaburan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim kekal dengan pendirian Malaysia dan negara ASEAN seharusnya bersikap berkecuali dan tidak masuk campur dalam masalah membabitkan negara lain.

Perdana Menteri berkata, ASEAN hari ini perlu berusaha untuk terus menarik pelaburan bukan saja daripada Amerika Syarikat (AS) dan Eropah malah dengan jiran terdekat seperti China, India dan Australia.

“Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan dan begitu ju-

ga rantau ASEAN, perlu terbabit secara lebih agresif dengan pelaburan daripada AS dan Eropah. China menjadi jiran yang penting, malah kita harus terus berbuat demikian bersama Australia, India dan negara-negara lain.

“Disebabkan ini, saya berasakan ASEAN adalah wilayah berpusat yang mampu terbabit secara dekat dengan mana-mana negara dan masalah yang bukan masalah kita, tidak sepatutnya menekan kita atau berpihak kepada sesiapa,” katanya.

Beliau berkata demikian pada

sesi Pleno ASEAN bertajuk *Even Stronger Together*, mengenai ketutamaan Kepemimpinan ASEAN-Malaysia 2025 dan peranan penting ASEAN dalam membentuk landskap ekonomi.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, ASEAN hari ini mengamalkan dasar yang memberi kebajikan kepada semua negara anggota dalam usaha memastikan keamanan berlanjutan.

“Kita bukan wilayah yang bersaing sesama sendiri, tetapi mengutamakan perkara inklusif dan mampan yang memberi manfaat

antara satu sama lain,” katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, ASEAN mengambil pendekatan penuh berhati-hati dalam isu berkaitan Myanmar, kerana perkara yang paling kritikal adalah bagi menjamin wujudnya keamanan di negara itu

Beliau berkata, pendekatan ASEAN bukanlah dalam bentuk menguatkuasakan sistem tertentu, sebaliknya memastikan wujudnya keterangkuman dan keamanan, di samping kepentingan memelihara demokrasi.

“Petunjuk positif pertama da-

lam beberapa bulan kebelakangan ini adalah kesediaan untuk keterlibatan dan saya beri jaminan kepada mereka melalui hubungan rakan-rakan dan pelbagai agensi, terutama agensi perisikan, bahawa kami bukan menegenakan apa-apa tindakan.

“Tadbir urus sistem, walaupun dalam ASEAN, sedikit berbeza. Malaysia atau Singapura atau Vietnam, Laos, mereka juga agak berbeza. Selagi mereka mewakili beberapa bentuk demokrasi, kita tidak mengenakan apa-apa paksaan,” katanya.